

17 NOV 1997

Sokong-Mahathir

PARTI PEMBANGKANG SINGAPURA SOKONG DR MAHATHIR

SINGAPURA, 17 Nov (Bernama) -- Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS), sebuah parti pembangkang di Singapura, hari ini mengecam tindakan anggota kongres Amerika terhadap Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyifatkannya sebagai tidak berasas.

Presiden PKMS Haji Sahid Sahooman berkata ketetapan yang dikemukakan oleh anggota kongres Amerika menyeru Dr Mahathir meminta maaf atau meletakkan jawatan kerana ucapan yang didakwa anti-Yahudi itu adalah keterlaluan.

Langkah anggota kongres Amerika itu juga cuba menggugat kedaulatan sesebuah negara dan pemimpinnya yang dipilih oleh rakyat berdasarkan prinsip-prinsip demokrasi, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

PKMS juga menyeru negara-negara ASEAN serta negara-negara yang cintakan demokrasi dan keamanan bersama-sama mengecam sikap provokatif Amerika itu terhadap Asia dan khususnya, Malaysia.

Sahid berkata negara-negara ASEAN harus berdiri teguh dan mengamalkan prinsip setiakawan dalam mempertahankan kedaulatan sesebuah negara dalam ASEAN dan mengecam campur-tangan Amerika dalam hal dalaman sesebuah negara lain.

Beliau berkata PKMS juga mengalu-alukan pertemuan Dr Mahathir dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong di persidangan Komanwel di Scotland baru-baru ini.

Katanya, PKMS berharap pertemuan itu dapat melahirkan hubungan yang lebih erat antara kedua-dua negara selepas krisis ekoran ungkapan Lee Kuan Yew mengenai Johor awal tahun ini.

Sahid berkata PKMS berharap dengan adanya pertemuan selanjutnya tahun hadapan akan dapat mengembalikan suasana yang lebih bermanfaat dan hubungan lebih baik seperti sebelumnya. -- BERNAMA

THG WAT